

**BORANG SENARAI SEMAK PEMERIKSAAN BULANAN KEBUK/KABINET WASAP**  
**(Peraturan 17(1)(a): Peraturan-Peraturan KKP (Penggunaan dan Standard Pendedahan Bahan Kimia Berbahaya Kepada Kesihatan) 2000)**

Pemeriksaan visual bulanan kebuk/kabinet wasap perlu dijalankan oleh staf teknikal/petugas makmal PTJ dengan melengkapkan borang senarai semak ini.

Jika terdapat sebarang pemerhatian/ulasan yang melibatkan isu-isu pengoperasian dan keselamatan, kebuk/kabinet wasap hendaklah **TIDAK** digunakan sehingga pemeriksaan selanjutnya dijalankan dan isu-isu diatasi. Sila hubungi JPPA (penyelenggaraan/pembaikan) dan UKKP (pengukuran halaju udara).

No./Nama Makmal:	No. Kebuk/Kabinet Wasap:		Jenis Pembersih Udara (Jika Berkenaan):		
	SENARAI SEMAK		YA	TIDAK	PEMERHATIAN/ULASAN
	Tiada terdapat sebarang tanda kerosakan di bahagian dalaman atau luaran kabinet?				
	Tiada terdapat sebarang kesan keretakan, kemerosotan dan kebocoran pengedap (sealant) di bahagian tepi/bucu/sambungan?				
	Tiada terdapat pembentukan/pengumpulan puing/sampah sarap/jelaga pada alur (slot)/jeriji yang menyekat pengudaraan (udara masuk/keluar)?				
	Sash boleh digerakkan sepenuhnya dengan mudah/bebas dan dapat ditetapkan pada kedudukan yang dikehendaki (tidak naik atau turun)?				
	Sistem penggera/pengawal halaju udara berfungsi, iaitu berbunyi apabila sash dibuka melebihi had atau halaju udara kurang daripada 0.5/0.75 m/s? (jika berkenaan)				
	Mempunyai sedutan/halaju udara? (Pemerhatian melalui pergerakan tisu/kertas ringan yang diletakkan pada permukaan kabinet)				
	Bacaan halaju udara yang diukur oleh UKKP adalah memuaskan dan masih sah (tidak melebihi 12 bulan). Sila rujuk pelekat (sticker) UKKP.				
	Penanda/pelaras had maksimum bukaan sash berfungsi? (jika berkenaan)				
	Tiada halangan dalaman atau luaran terhadap aliran udara masuk ke kabinet?				
	Lampu berfungsi, tidak berkelip-kelip dan pencahayaan mencukupi?				
	Paip air dan sinki berfungsi dengan baik dan tidak tersumbat/bocor? (Buka pili/air untuk sekurang-kurangnya selama 2 minit)				
	Paip/saluran gas (termasuk penunu bunsen /pembakar) berfungsi dengan baik dan tidak bocor (berbau gas)?				
	Tiada terdapat sebarang kerosakan, rekahan, kebocoran dan kakisan di bahagian saluran ekzos yang keluar daripada kabinet/kebuk sehingga ke penghujung bilik/luar bangunan?				
	Kipas berfungsi dengan baik dan tiada gegaran/bising?				
	Pembersih udara berfungsi dengan baik dan tiada kebocoran? (Jika berkenaan)				
	Tiada barangan/bahan yang ditinggalkan/disimpan di dalam kabinet wasap?				
	Lain-lain aspek pemeriksaan? (sila nyatakan)				
<b>Nama Pemeriksa:</b>			<b>Tanda Tangan:</b>		<b>Tarikh Pemeriksaan:</b>

**Perhatian:** Borang pemeriksaan ini hendaklah diletakkan berdekatan kebuk/kabinet wasap dan mudah diperolehi/lihat untuk pemeriksaan penguatkuasa/rujukan pengguna.